

03/08/1997

Elak kekerapan tukar pemimpin: Mahathir (HL)

Zulkofli Jamaludin; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya sepakat dalam menentukan sama ada jawatan tertinggi dalam parti harus dipertandingkan atau tidak.

"Mereka harus bermuafakat. Pertukaran tidak perlu dibuat tetapi hak untuk menukar perlu wujud," kata Perdana Menteri, yang juga Pengerusi BN.

Menurut Dr Mahathir, kesepakatan itu penting kerana pertukaran pemimpin yang kerap, akan hanya melemahkan parti atau negara sebab memerlukan masa untuk memberikan hasil.

Perdana Menteri bagaimanapun gembira kerana ahli parti komponen BN kini lebih suka jawatan tertinggi dalam parti tidak menjadi rebutan demi memelihara kestabilan parti dan negara.

"Kini, ahli sudah lebih matang dan bijak," katanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-51 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Sambil mengambil contoh kemenangan tanpa bertanding Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu dan Timbalannya, Datuk S Subramaniam, Perdana Menteri berkata, ahli parti sedar keghairahan merebut jawatan boleh menyebabkan perpecahan dalam parti.

"Jika ini berlaku parti akan menjadi lemah dan tidak dapat memperjuangkan kepentingan ahli dan parti dengan berkesan," katanya pada majlis itu yang turut dihadiri Perdana Menteri Mauritius, Dr Navichandra Rangooram, Ketua parti komponen BN serta beberapa menteri Kabinet.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, banyak pihak, terutama orang asing, tidak faham mengenai keunikan amalan dalam parti komponen BN dan menganggap cara itu tidak demokrasi.

Perdana Menteri mengakui parti mesti membenarkan pemimpin dipilih, tetapi keputusan mengekalkan pemimpin harus diserahkan kepada budi bicara ahli.

"Ahli pula tidak harus menukar pemimpin setiap kali pemilihan semata-mata kerana dibenarkan dalam sistem demokrasi. "Tidak harus ada pertandingan semata-mata kerana kita boleh bertanding. Kadang-kadang orang yang mencabar itu tidak layak langsung jadi presiden atau memegang jawatan lain.

"Ini hanya menyusahkan parti dan tidak ada makna langsung. Sebaliknya, jika tidak ada pertandingan pula, pemimpin yang tidak berguna akan kekal dan ini juga bahaya," katanya.

Berikutan itu, kata Dr Mahathir, ahli parti perlu sepakat dalam menentukan sama ada jawatan tertinggi harus dipertandingkan.

Ditanya berapa lama seseorang pemimpin harus berkhidmat, Dr Mahathir berkata, tidak perlu meletakkan had atau tempoh tertentu bagi pemimpin menerajui parti atau negara.

"Di sesetengah negara, memang mereka mengehadkan satu atau dua penggal, tetapi jika kita ada pemimpin yang baik, mereka perlu dibenarkan terus memimpin, tetapi pemimpin yang lemah perlu ditukar," katanya.

Mengenai perebutan kuasa dalam Parti Progresif Penduduk (PPP), Dr Mahathir berkata, perkara itu serius dan beliau tidak dapat berbuat apa-apa.

"Apa yang berlaku dalam PPP itu menunjukkan bahawa terdapat golongan yang hanya mementingkan kedudukan mereka. Persoalan sama ada seseorang itu boleh menyumbang atau tidak bukan penting lagi," katanya.

Baru-baru ini, anggota parti itu, Datuk N S Muthu, mendapat perintah

mahkamah yang memutuskan bahawa Presiden PPP, Datuk M Kayveas, bukan anggota PPP dan dengan itu tidak boleh menjadi Presidennya.

Bagaimanapun, kelmarin, Kayveas berkata, beliau sudah mendapatkan perintah mahkamah untuk menanggungkan perintah itu.

(END)